

Kejayaan tujuh emas belum boleh dibanggakan

# Pesilat negara masih lemah

B. Minggu (M)



- 9 DEC 1990

Oleh RAHIME YUSOF

KEJAYAAN skuad utama silat negara meraih juara keseluruhan dengan tujuh pingat emas, dua perak dan enam gangsa pada Kejayaan Terbuka Malaysia berakhir kelmarin belum cukup membanggakan Malaysia benar-benar gagah.

Ini kerana Indonesia tidak menurunkan barisan lengkap. Empat pingat emas dan satu perak masih membuktikan pesilat skuad ketiga negara itu juga unggul.

Oleh itu, Persatuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) dan pesilat kebangsaan jangan terlalu awal mendabik dada hingga lupa mempersiapkan diri menjadi lebih mantap.

Walaupun mengutip tujuh emas, cuma Ruzaidi Abdul Rahman (Kelas F), Zakaria Hamzah (H), Ahmad Wardi Salim (B) dan Nazrah Latif (A) yang benar-benar mempamer keunggulan sebagai juara sejati.

Dua pesilat lagi, Sharudin Kamaruddin (A), Wan Adnan Wan Isa (E) dan Anum Adnan (D) masih pada tahap sederhana.

Wan Adnan walaupun kerap kali bertanding di peringkat antarabangsa, ia belum berupaya mempamer kehebatan sebenar. Dia masih terikat dengan sikap gelojoh kerana gagal mengawal perasaan marah apabila lawan bertindak di luar bidang peraturan pertandingan.

Ahmad Wardi sering mengharapkan pusingan ketiga bagi mencari mata kemenangan dan terlalu leka di pusingan pertama serta kedua. Keadaan seumpama itu sering mengecewakannya selama ini.

Oleh itu, jurulatih kebangsaan terbabit yang bertanggungjawab membentuk skuad kebangsaan perlu peka meneliti kelemahan setiap pesilat untuk diperbaiki jika mahu Malaysia merajai sukan ini pada masa depan.

Pesaka perlu membuat persiapan awal bagi menghadapi Sukan SEA Manila, tahun depan sekalipun penerimaan tuan rumah dalam acara itu masih samar.

Kemunculan mendadak pesilat Eropah pula tidak boleh diperkecilkan. Walaupun Anre Meewis dari Jerman menjadi peserta tunggal meraih pingat emas, Linhart Edward (Austria) dan Minsear Ernin (Belgium) yang berupaya

merangkul pingat perak telah mengejutkan pesilat dirantau ini.

Lebih mempersonakan, pesilat Eropah itu lebih mengamalkan seni silat sewaktu bertarung di gelanggang berbanding dengan pesilat kita disini.

Indonesia sendiri selaku penjual silat ke pusuk dunia nyata gagal memperagakan konsep seni silat apabila bertarung. Perkara ini perlu menjadi perhatian dan segera diatasi agar ciri-ciri persilatan dapat dipertahankan.

Bagi Pesaka, masih belum terlewat menjadikan Malaysia sebagai gergasi persilatan sukan olahraga dalam masa yang singkat kerana pucuk pimpinan barunya, Tan Sri Haji Muhammad Haji Muhd Taib, begitu peka ke arah mamajukan bidang itu.

Di segi pengajuran kejuaraan kali ini, ia mendedahkan kelembapan. Keserian kejuaraan begitu hambar. Siapa harus dipersalahkan, Pesaka atau Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan?

Bagaimanapun, masalah seumpama ini sepatutnya menjadi teladan agar ia tidak berulang jika Malaysia berhasrat menjadi tuan rumah.



■ TERPAKSA MENYERAH...Pesilat Indonesia, Prazigo menjatuhkan lawannya Linhart Edward (Austria) bagi menjuarai Kelas C.

B. Minggu (M)

- 9 DEC 1990



■ CEMAS...Nazrah Latiff menggelak tendangan Seti Yuhardi dari Indonesia (kanan). Nazrah menjuarai Kelas A



■ BUKAN TOMOI...Wan Adnan Wan Isa (Malaysia) melepaskan tendangan ke muka pesilat Thailand, Kongkai. Wan Adnan menjuarai Kelas E.